
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

**HMT 229 – Linguistik Sejarah dan Perbandingan Bahasa
Austronesia**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Semua soalan **Bahagian A** WAJIB dijawab dan jawab SATU soalan pilihan daripada **Bahagian B**.

...2/-

Bahagian A: Soalan WAJIB.

1. Teliti jadual-jadual berikut dan jawab soalan [a] DAN [b] yang mengikutinya:-

JADUAL I

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Tagalog	Bahasa Dayak
[1]	urat	ugat	uhat
[2]	darah	dugo	daha
[3]	tidur	tulog	tiroh
[4]	beras	bigas	behas

Sumber: Noriah Mohamed (1996: 133-135)

JADUAL II

Bil.	Bahasa Jawa	Bahasa Melayu	Bahasa Tagalog
[1]	pari	padi	palai
[2]	irung	hidung	ilung
[3]	urang	udang	olang
[4]	(lo)ro	dua	(do)lua

Sumber: Gorys Keraf (1984: 37-38)

- [a] Dari manakah asalnya kajian kesepadanan bunyi dan berdasarkan jadual di atas, huraikan aspek kesepadanan bunyi dalam bahasa Austronesia.

[15 markah]

- [b] Apakah kepentingan kesepadanan bunyi dalam kajian bahasa?

[5 markah]

2. Jawab [a], [b] DAN [c].

- [a] Berdasarkan fonologi diakronik, bincangkan penghilangan ciri distingtif yang terdapat dalam JADUAL III di bawah.

[8 markah]

JADUAL III

Bahasa Melayu Moden	Dialek Urak Lawoi
tuhan	tuhat
bulan	bulat

Diubah suai daripada Asmah (1995)

...3/-

- [b] Berdasarkan fonologi diakronik bincangkan penghilangan segmen yang terdapat dalam JADUAL IV di bawah.

[8 markah]

JADUAL IV

Bahasa Melayu Klasik	Bahasa Melayu Moden
sahaja	saja
sahaya	saya
cahari	cari
dahulu	dulu

Diubah suai daripada Asmah (1995)

- [c] Berdasarkan kenyataan di bawah, bincangkan faktor-faktor sosiobudaya yang mempengaruhi perubahan bahasa.

“Bahasa yang hidup terus menerus mengalami perubahan. Perubahan-perubahan itu disebabkan oleh faktor-faktor luar bahasa seperti faktor sosiobudaya yang berlaku dalam masyarakat.”

Asmah (1995: 26)

[9 markah]

Bahagian B: Soalan pilihan.

3. Kajian leksikostatistik dan glotokronologi telah digunakan untuk melihat hubungan kekerabatan dan jangka masa pisah antara bahasa-bahasa atau dialek-dialek. Sebutkan langkah-langkah bagi menjalankan kajian leksikostatistik dan glotokronologi mana-mana dua bahasa Austronesia.

[25 markah]

4. Jawab [a] DAN [b]:

- [a] Bagaimanakah teori pohon dan teori gelombang dapat dimanfaatkan untuk menghuraikan peringkat dialek dalam perkembangan bahasa?

[13 markah]

...4/-

[b] Apakah TIGA faktor lain selain faktor genetik yang boleh mewujudkan kesamaan antara bahasa?

[12 markah]

5. Berdasarkan fonologi diakronik dan sinkronik jawab soalan [a] DAN [b].

[a] Fonem-fonem nasal /m/, /n/, /ŋ/ dan /ɲ/ yang terdapat dalam dialek-dialek Melayu sebagai turunan MI *m, *n, *ɲ dan *ɲ.

[15 markah]

[b] Fonem /q/ adalah diafon kepada obstruen /p/ dan /t/ dalam dialek-dialek Melayu.

[10 markah]

- ooo 0 ooo -